

PM: Usah cemarkan Islam

MH 2 AUG 1986

ALOR STAR, Jumaat — Islam tidak menyuruh umatnya menubuhkan parti politik dan menjadikan agama sebagai daya penarik untuk melawan parti lain yang juga dianggotai oleh orang Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dakwaan Pas bahawa parti itu adalah parti Allah bererti ia menyekutukan Tuhan, satu perbuatan yang berdosa dan dilarang oleh Islam.

"Kita tidak boleh menyamakan Allah dengan makhluk lain atau manusia biasa walaupun ia mempunyai ilmu dan pelajaran agama yang tinggi kerana manusia tidak sama dengan Allah," ujarnya.

Beliau berkata, Pas menggunakan nama Allah untuk kepentingan politik kerana ia tamak.

"Saya tahu dalam agama Islam kita tidak boleh memisahkan politik daripada agama kerana ia adalah sebahagian daripada kehendak agama.

"Tetapi, politik yang dimaksudkan ialah politik orang Islam melawan musuh-musuh Islam dan bukan politik antara parti," ujarnya.

Berucap merasmikan Asrama Puteri Sekolah Menengah Agama Raudatul Ulum di Langgar, dekat sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata umat Islam di negara ini berpecah-belah kerana adanya kumpulan yang menyalahgunakan agama dan tafsiran al-Quran.

"Mereka menggunakan al-Quran sebagai alat untuk kepentingan perjuangan diri mereka dan bukan perjuangan agama Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara mengadakan pilihanraya untuk memilih wakil rakyat dan bukan untuk menentukan sama ada seseorang atau sesuatu kumpulan itu Islam atau tidak.

"Untuk itu kita patut memilih wakil rakyat yang baik dan tidak memperalatkan agama Islam untuk kepentingan sendiri," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegur guru-guru agama dan alim-ulama yang menyelewengkan tafsiran agama Islam kerana kepentingan politik dan diri sendiri.

Katanya, pada zaman ini ramai orang yang berhasrat membuka sekolah agama, tetapi bukan dengan tujuan mengajar agama, sebaliknya untuk dijadikan pangkalan mengembangkan fahaman politik.

Beliau berkata, kanak-kanak yang masih mentah seperti kain putih diserahkan kepada guru agama untuk mendalami pengetahuan agama Islam.

"Kalau guru ikhlas dan menyampaikan pengajaran agama yang sebenar, baiklah kepercayaan mereka.

"Sebaliknya, kalau guru mempunyai fahaman politik yang lebih utama daripada kepentingan agama dan sengaja membentuk tafsiran Islam sesuai dengan kepentingan politik mereka, akan sesatlah anak-anak kita," ujarnya.

Menurutnya, penubuhan sekolah agama yang tidak mempunyai kepentingan politik dan hanya menyampaikan ajaran Islam yang sebenar digalakkan oleh kerajaan kerana ia memberi pengetahuan yang baik kepada anak-anak supaya hidup sebagai umat Islam sejati.

Pengetahuan itu akan menjadi asas kukuh kepada mereka supaya guru-guru lain tidak mudah menyelitkan ajaran yang penuh dengan kepentingan diri mereka, tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Islam tidak melarang umatnya bekerjasama dengan kaum lain yang bukan Islam asalkan mereka tidak mempunyai niat buruk.